

## Pembangunan Sebuah Novel Sejarah: Satu Analisis Tekstual Terhadap *Tun Perak Paduka Raja*

### Constructing A Historical Novel: A Textual Analysis of *Tun Perak Paduka Raja*

MOHAMED NAZREEN SHAHUL HAMID, HAS ALIA HASNAN & ROHAYA MD. ALI

#### ABSTRAK

Pasaran buku tempatan masa kini bukan sahaja menyaksikan penghasilan novel-novel bersifat romans atau popular sahaja, malah novel-novel sejarah turut mendapat sambutan yang baik dalam kalangan pembaca. Di Malaysia, pengarang-pengarang novel sejarah mula mengambil manfaat pentas penulisan sastera sebagai wadah untuk menyampaikan buah fikiran mereka dalam bentuk cereka yang lebih kreatif dan menarik. Antara yang menonjol dalam penulisan novel sejarah di Malaysia ialah Affifudin Omar. Melalui penulisan novel sejarah *Tun Perak Paduka Raja* (2017), beliau mengangkat kehebatan tokoh sejarah Tun Perak untuk masyarakat kini dengan gaya naratif kontemporari. Namun, timbul persoalan sama ada beliau mengambil kira atau tidak konsep dan ciri-ciri novel sejarah dalam penulisannya agar tidak menyeleweng daripada sejarah sebenar. Bertitik tolak daripada pernyataan tersebut, kajian membincangkan persoalan tersebut berpandukan konsep novel sejarah oleh Georg Lukacs (1962) yang menekankan tiga ciri utama dalam penghasilan novel sejarah, iaitu latar masa dan tempat, peristiwa sejarah yang diungkapkan secara tepat dan bermakna dan akhir sekali tokoh sejarah. Kajian ini dilakukan dengan kaedah analisis tekstual berpandukan konsep dan ciri-ciri novel sejarah tersebut. Kajian mendapati sememangnya novel *Tun Perak Paduka Raja* oleh Affifudin memenuhi ketiga-tiga ciri tersebut, iaitu latar masa dan tempat, peristiwa sejarah yang diungkapkan secara tepat dan bermakna dan tokoh sejarah dan ini membuatkan ia sebagai karya yang baik dan bermutu. Kajian ini adalah penting dalam memperlihatkan dinamika pemikiran pengarang tempatan dalam usaha mengangkat tokoh sejarah dalam penulisan kesusasteraan demi kelangsungan tamadun bangsa. Kajian ini dapat memberikan implikasi terhadap penghasilan novel sejarah yang lebih berkualiti dalam pasaran buku tempatan pada masa hadapan.

Kata kunci: Novel; sejarah; *Tun Perak Paduka Raja*; Affifudin Omar; Lukacs

#### ABSTRACT


Today's local book market not only sees the production of romance or popular novels, but historical novels are also well received by readers. In Malaysia, the authors of historical novels began to take advantage of the literary writing stage to convey their thoughts in the form of more creative and exciting stories. Among those who stand out in writing historical novels in Malaysia is Affifudin Omar. Through the report of the historical novel *Tun Perak Paduka Raja* (2017), he raised the greatness of the historical figure of Tun Perak for today's society with a contemporary narrative style. However, the question arises whether he considers the concept and characteristics of historical novels in his writing so as not to deviate from actual history. Based on that statement, this study discusses the question on the concept of the historical novel by Georg Lukacs (1962), who emphasizes three main characteristics in the production of a historical novel, namely the setting of time and place, historical events that are expressed accurately and meaningfully as well as historical figures. This study was carried out using the textual analysis method based on the historical novel's concept and characteristics. The study found that the novel *Tun Perak Paduka Raja* by Affifudin fulfils the three elements, namely the setting of time and place, historical events that are expressed accurately and meaningfully and historical figures, and this makes it a good and quality work. This study is essential in showing local authors' thinking dynamics to elevate historical figures in writing literature to preserve the nation's civilization. This study can provide implications to produce better-quality historical novels in the local book market in the future.

Keywords: Novel; history; *Tun Perak Paduka Raja*; Affifudin Omar; Lukacs

## PENGENALAN

Nama Tun Perak bukanlah suatu nama yang asing dalam ketamadunan alam Melayu di rantau Nusantara. Terkenal dengan gelaran Bendahara, Tun Perak berperanan mendidik, memandu dan juga menasihati sultan Melaka dalam selok-belok pentadbiran bagi melancarkan perjalanan politik di negara kota itu (Jelani 2017). Bukan itu sahaja, malah Tun Perak merupakan seorang tokoh yang menjadi teladan kepada seluruh rakyat yang mendiami kota Melaka melalui peribadi dan sahsiah diri beliau yang mulia. Berasal daripada keturunan campuran darah raja dan rakyat, asas biologinya wujud dengan sendiri dalam jiwa lelaki Tun Perak. Beliau sangat memahami rakyat jelata memandangkan beliau dibesarkan dalam suasana yang sangat dekat dengan masyarakat di samping memiliki ilmu pengetahuan yang luas untuk membantu para sultan daripada segenap sudut bagi mengemudi Melaka dari zaman ke zaman.

Sebenarnya, kehebatan Tun Perak sebagai Bendahara Melaka atau Perdana Menteri jelas terpancar tatkala beliau menitikberatkan ajaran agama Islam dalam tampuk pemerintahan. Kosmologi Islam yang berkembang dan diterima oleh bangsa Melayu Melaka dipegang utuh oleh Tun Perak serta beliau menerapkan larangan untuk tidak menderhaka kepada sultan yang adil (Baharudin 2010). Pelbagai perubahan telah dilakukan oleh Tun Perak bagi memastikan Melaka berdiri sebagai sebuah negara kota yang hebat di mata dunia seperti memperkenalkan Undang-Undang Melaka yang merangkumi segala bidang hidup masyarakat dan raja yang berpandukan syariat Islam (Mohd Yusof 2008). Ternyata bahawa Tun Perak memainkan peranan yang sangat besar dalam segenap aspek pentadbiran di Melaka dan perkara ini ada dipersembahkan oleh Affifudin Omar menerusi naratif ciptaannya dalam novel sejarah beliau yang berjudul *Tun Perak Paduka Raja* (2017).



RAJAH 1. Novel Sejarah *Tun Perak Paduka Raja* (2017)  
Sumber: <https://bookcafe.com.my/tun-perak-paduka-raja/>

Inisiatif yang diambil oleh Affifudin dalam menghasilkan novel sejarah ini seharusnya diberikan pujian kerana beliau cuba lari daripada konvensi penulisan sejarah sedia ada di samping berusaha mendidik masyarakat supaya tidak lupa kepada sejarah lalu. Namun, timbul persoalan sama ada kreativiti dan kepengarangan beliau dalam menghasilkan novel sejarah ini menepati konsep novel sejarah yang sebenar-benarnya atau tidak. Persoalan ini timbul kerana penghasilan novel sejarah sering mendatangkan pertanyaan tentang ketulenan fakta sejarah yang dirujuk dan kemudiannya menjadi sebuah karya baharu berbentuk fiksyen. Perkara ini penting untuk diberikan perhatian agar pengarang tidak menyeleweng daripada sejarah yang sebenar. Oleh hal yang demikian, penulisan ini bergerak dengan objektif membincangkan ketokohan Tun Perak yang dipersembahkan oleh Affifudin menerusi novel sejarah Tun Perak Paduka Raja berdasarkan kerangka konseptual novel sejarah yang dibangunkan oleh Georg Lukacs (1962). Implikasi perbincangan ini penting untuk memperlihatkan bagaimana ciri-ciri novel sejarah berfungsi dalam novel sejarah tempatan dan dinamika pemikiran pengarang dalam menjalinkan fakta dengan fiksyen.

#### NOVEL SEJARAH: KERANGKA KONSEPTUAL

Konsep penulisan novel sejarah merupakan salah satu konsep yang penting untuk difahami sewaktu pengarang menghasilkan karya yang mengambil latar sejarah. Selain itu, konsep ini juga perlu untuk diketahui oleh khalayak yang bertindak sebagai pembaca supaya mereka dapat menilai ketepatan fakta sejarah yang telah disulami dengan elemen fiksyen dalam sesuatu novel sejarah. Hal ini penting bagi memastikan tidak berlaku salah faham terhadap fakta sejarah yang telah difiksyenkan dalam novel sejarah (Has Alia & Mohamed Nazreen 2022).

Istilah novel dan sejarah masing-masing memperlihatkan hubungan yang akrab antara satu sama lain. Persamaan yang mengikat antara kedua-duanya adalah ungkapan kisah manusia yang rencam dalam dunia nyata melalui daya pengolahan pengarang. Pengarang memanfaatkan

medium novel sebagai alat untuk memperlihatkan sejarah yang melibatkan kehidupan manusia. Hal ini dapat disokong dengan pandangan Collingwood (Mohamad Saleeh 2005, hlm.23) yang mengatakan kepentingan penulisan novel dan sejarah seperti yang berikut:

Kedua-dua novel dan sejarah itu mestilah munasabah, tidak ada apa-apa yang boleh dimasukkan ke dalam salah satunya kecuali yang diperlukan sahaja, dan di dalam hal kedua-duanya hakim bagi apa yang perlu itu ialah khayalan (imajinasi-penulis).

Berdasarkan petikan di atas, gabungan konsep novel dan sejarah akan menghasilkan sebuah fiksyen yang merangkumi struktur-struktur naratif seperti watak, plot, tema, persoalan, latar, gaya bahasa dan sudut pandangan yang berlandaskan peristiwa sejarah. Konsep novel juga membenarkan pengarang menggembelng daya kreativiti dan sensitiviti mereka untuk menghidupkan sesebuah sejarah itu menjadi lebih menarik untuk tatapan pembaca. Secara tidak langsung, perihal sejarah yang dibangunkan akan tampak lebih segar dan mendapat nafas baharu dari sudut naratif atau gaya penceritaannya. Namun, Collingwood (Mohamad Saleeh 2005, hlm.23) mengingatkan pengarang bahawa konsep novel perlu diseimbangkan oleh unsur sejarah supaya fiksyennya tidak berlebihan. Perihal ini turut ditegaskan oleh Abdullah (2021, hlm.39), yakni; *“facts are not only important in historical novels but are the main material for writing them”*.

Selain itu, konsep novel sejarah turut dibincangkan oleh Cuddon (1991, hlm.411) dalam tulisannya yang mendefinisikan novel sejarah sebagai fiksyen naratif yang menkonstruksi dan mencipta semula sejarah secara berimajinatif seperti yang tercatat dalam petikan di bawah:

*Historical novel is a form of fictional narrative which reconstructs history and re-creates it imaginatively. Both historical and fictional characters may appear. Though writing fiction, the good historical novelist researches his or her chosen period thoroughly and strives for verisimilitude.*

Seseorang pengarang novel sejarah itu sememangnya diberi kebebasan bagi menggarap semula pensejarahan dengan daya kreativiti masing-masing, namun seorang pengarang novel sejarah

yang baik ialah individu yang menulis sejarah mengikut kerangka waktu berdasarkan fakta-fakta yang tepat dan benar. Dengan adanya penyelidikan yang terperinci, maka karya-karya yang dihasilkan juga akan lebih berkualiti dan mendekati sejarah asal sebenar. Cuddon (1991) berkata lagi bahawa menghadirkan kebenaran dan ketulenan fakta dalam setiap novel sejarah yang dihasilkan akan meletakkan seseorang pengarang itu di atas landasan konsep novel sejarah yang sebetulnya. Di samping itu, seorang lagi sarjana Barat yang memperkatakan novel sejarah ialah Bram (2016, hlm.14) yang mengatakan bahawa:

*Unlike historians, novelists are free to make up some of their facts, but it's a relatively minor point. Those "facts" must solid and established. The reader needs to believe that the story already exists and that neither the historian nor the novelist is inventing anything but is simply choosing which facts to include and in what order.*

Dalam konteks pandangan tersebut, Bram berpendapat bahawa seseorang pengarang itu diberikan kebebasan untuk berkarya dengan cara mengekspresikan gaya kreativiti mereka bagi menghasilkan ciptaan-ciptaan tertentu. Akan tetapi, Bram juga menegaskan bahawa imaginasi pengarang dibolehkan hadir sebagai hiasan kecil dalam penulisan novel sejarah, sebaliknya fakta sejarah yang tepat dan kukuh merupakan ramuan yang paling penting untuk diutamakan. Di samping itu, konsep novel sejarah menurut Bram menjurus kepada peranan khalayak selaku pembaca. Dalam hal ini, pembaca seharusnya mengetahui peristiwa-peristiwa sejarah yang dimuatkan dalam novel adalah berpaksikan sejarah sebenar. Pengarang hanyalah memilih atau menyorot bahagian-bahagian tertentu, lalu diolah semula dengan gaya naratif yang menarik mengikut kesesuaian jalan cerita.

Tambahan itu, Bram turut menyatakan bahawa konsep novel sejarah perlu ditekuni dengan pemahaman yang betul supaya masyarakat dapat melewati sejarah lalu berdasarkan kerangkanya yang tepat. Pemahaman terhadap konsep novel sejarah semestinya menggabung istilah novel dan sejarah itu sendiri. Kedua-dua patah perkataan ini saling bergantung antara satu sama lain kerana pengarang memerlukan novel sebagai wadah untuk menterjemahkan semula sejarah ke dalam corak kepengarangan yang berteraskan daya kreativitinya. Menurut Bram lagi, novel sejarah yang baik akan dapat mempengaruhi minda masyarakat tentang peri pentingnya untuk mengetahui sejarah. Masyarakat yang buta sejarah akan terus berada dalam kejahilan

berbanding masyarakat yang gemar menelusuri sesuatu sejarah melalui pembacaan novel sejarah (Bram 2016, hlm.13):

*A person who does not know the history of the last 3000 years wanders in the darkness of ignorance, unable to make of the reality around him. As we grow older, more and more of us want to visit the past. We overcome our fear and boredom. I'm not sure why. Perhaps we just grow more curious. Or maybe it's because we have enough private past of our own that we feel confident we can keep our heads above water in flood of time. And so we visit the past in different ways. We do it through historical novels.*

Konsep novel sejarah turut ditakrifkan oleh Hutcheon (1992, hlm.113) sebagai 'historical fiction as that which is modelled on historiography to the extent that is motivated and made operative by history as a shaping force'. Dengan kata lain, Hutcheon mendefinisikan novel sejarah sebagai sejenis fiksyen yang bermodelkan penulisan sejarah atau historiografi. Menurut Hutcheon juga, sejarah berperanan sebagai penggerak yang mempengaruhi penulisan novel sejarah. Pernyataan Hutcheon ini dapat diperkukuhkan dengan pernyataan Fleishman (1971, hlm.4) yang menekankan peranan watak atau tokoh dalam menggerakkan sesebuah isi peristiwa sejarah menerusi medium yang tergolong sebagai novel sejarah:

*When life is seen in the context of history, we have a novel; when the novel's characters live in the same world with historical person, we have a historical novel.*

Takrifan novel sejarah oleh sarjana tempatan tidak banyak berbezanya berbanding sarjana Barat. Sarjana tempatan menegaskan bahawa dalam konteks penulisan kreatif, sesuatu novel sejarah dibangunkan berdasarkan peristiwa-peristiwa sejarah dalam kerangka masa tertentu yang ditunjangi oleh tokoh-tokoh sejarah yang memainkan watak untuk menggerakkan jalan cerita. Hal ini dapat disokong dengan pernyataan Mohamad Saleeh (2005, hlm.33) yang menjelaskan novel sejarah sebagai karya kreatif yang ditunjangi peristiwa (bernilai) sejarah – dihidupkan oleh watak-watak sejarah (yang dapat dikesan) selari dengan faktanya, selari dengan latar waktu dan gambaran sezamannya. Novel sejarah juga merakam peristiwa sejarah dengan cara yang kreatif dengan penggunaan daya imaginasi dan dibangunkan oleh struktur cereka. Mohamad Saleeh (2005, hlm.33) juga menambah bahawa:

Meskipun fakta-fakta sejarahnya perlu ada, pengarang boleh, malah perlu memasukkan fakta-fakta yang berdasarkan imaginasi, bagi tujuan mengindahkan cerita atau menimbulkan

kesan realiti dalam novel. Kebebasan imaginasi memang dibenarkan dalam cereka malah menjadi satu daripada sifat cereka. Jika tiada kebebasan imaginasi, samalah karya itu dengan sebuah laporan sejarah tulen. Antara tambahan yang boleh diwujudkan dalam novel sejarah ialah mengubahsui dan menambah gambaran watak dan peristiwa sejarah serta memasukkan watak dan peristiwa rekaan. Bagaimanapun, watak sejarah tidak boleh dipalsukan atau watak rekaan tidak boleh diletakkan pada tempat yang memang telah ada pelakunya dalam sejarah.

Di samping itu, Muhamad Faiz, Mawar & Che Abdullah (2021, hlm.347), menyatakan bahawa kecenderungan pengarang tempatan dalam mengemukakan semula teks sejarah dalam bentuk novel sejarah, bukan bertujuan untuk mengubah peristiwa sejarah yang asal. Hal ini dilakukan oleh pengarang kerana mahu memperlihatkan idea, tanggapan serta tafsiran baharu dalam usaha menaakul sejarah lampau dengan gaya yang lebih malar segar. Oleh itu, teks-teks tradisional memainkan peranan penting dalam mengemukakan idea terhadap pembinaan naratif sesebuah novel sejarah. Pembicaraan wacana yang rencam serta keelokan akal budi masyarakat Melayu yang ditunjukkan menjadi daya tarikan untuk terus didalami dan ditonjolkan dengan gaya baharu dan tersendiri oleh pengarang moden (Mohd Haniff, Rohaya & Phat 2020). Oleh itu, tidak menghairankan terhasilnya novel sejarah *Tun Perak Paduka Raja* oleh Affifudin.

Oleh hal yang demikian, berdasarkan kesemua pandangan sarjana Barat dan tempatan tersebut yang mengupas konsep novel sejarah, dapat disimpulkan bahawa terdapat dua perkara utama yang mendirikan sesebuah novel sejarah. Pertama adalah perkataan novel yang menjadi medium untuk pengarang berkarya secara kreatif, manakala kedua adalah perkataan sejarah yang menjadi unsur utama dalam memaparkan watak, plot, latar, peristiwa dan struktur naratif yang berkaitan dengan sejarah. Oleh itu, kedua-dua gabungan novel dan sejarah ini akan memperlihatkan unsur-unsur sejarah dipersembahkan ke dalam bentuk kepengarangan yang mana berdasarkan daya imaginasi dan kreativiti pengarang.

#### KERANGKA KONSEPTUAL NOVEL SEJARAH OLEH LUKACS

Salah seorang tokoh yang membincangkan konsep sejarah secara komprehensif ialah Georg Lukacs. Tokoh dari Hungary ini dilahirkan pada tanggal 13


April 1885. Beliau menamatkan pengajian pada peringkat doktor falsafah dari Universiti Budapest pada tahun 1909. Kerjaya awal Lukacs menunjukkan bahawa beliau terlibat dengan pelbagai kegiatan kesusasteraan dengan menghasilkan tulisan-tulisan ilmiah seperti *Entwicklungsgeschichte des modernen Dramas* (1958) (*Sejarah Perkembangan Drama Moden*) dan *Die Seele und die Formen* (*Jiwa dan Bentuk-Bentuk*) pada tahun 1911. Selain itu, Lukacs juga merupakan seorang ahli falsafah dan pengkritik yang banyak menyuarakan ideologi dan teori berkaitan ilmu kesusasteraan.

Pada tahun 1962, Lukacs telah menerbitkan sebuah buku yang berjudul *The Historical Novel*. Tulisan beliau ini memuatkan perbincangan tentang bentuk dan konsep novel sejarah serta perkembangannya pada era Revolusi di Perancis. Beliau turut memetik pandangan tokoh lain seperti Walter Scott yang juga banyak membicarakan perihal novel sejarah dalam pentas kesusasteraan di Eropah. Sebagai seorang pengkritik, Lukacs juga telah menimbulkan beberapa persoalan tentang novel sejarah yang perlu diketahui dan diikuti oleh pengarang serta khalayak dalam tulisan tersebut. Antara pertanyaan tersebut yang dilontarkan oleh Lukacs (1962:343-344) adalah:

*The decisive question of the development of the historical novel in our day is how to how to restore this connection in keeping with our age*

Berdasarkan petikan tersebut, Lukacs menyoal tentang pengungkapan semula sejarah dahulu dalam perkembangan novel sejarah masa kini. Lukacs melihat sejarah sebagai suatu unsur asas yang mampu menghubungkan manusia dengan pelbagai perkara, terutamanya peristiwa-peristiwa dahulu yang mendorong kepada kelangsungan kehidupan masa ini. Beliau melihat dengan adanya novel sejarah sebagai medium untuk menyampaikan ilmu pengetahuan, unsur-unsur sejarah yang ditampilkan haruslah menepati kejadian atau peristiwa sejarah yang sebenarnya.

Selain menghuraikan konsep novel sejarah secara panjang lebar, Lukacs (1962) turut menyenaraikan tiga ciri penting yang mendasari sesebuah novel sejarah yang baik, iaitu latar masa dan tempat, peristiwa sejarah yang diungkapkan secara tepat dan bermakna serta watak atau tokoh sejarah yang terlibat dalam peristiwa sejarah tersebut. Ciri-ciri tersebut diringkaskan melalui Rajah 2 berikut:



RAJAH 2. Tiga Ciri Novel Sejarah oleh Georg Lukacs (1962)  
 Sumber: Diubahsuai daripada *The Historical Novel* (Lukacs, 1962)

Menyentuh tentang latar masa dan tempat dalam konteks penulisan novel sejarah, Lukacs (1962, hlm.19) menegaskan “*its characters as belonging to any concrete time and the portrayal of historical time also affects the portrayal of historical place*”. Perkara ini dapat dijelaskan sebagai watak-watak yang dilukiskan oleh pengarang adalah tertakluk kepada kerangka waktu yang tertentu. Peristiwa-peristiwa sejarah yang ditampilkan juga dipengaruhi oleh latar tempat yang bersifat sejarah. Dalam konteks ayat ini, latar masa dan tempat yang berunsurkan sejarah akan membezakan novel sejarah dengan karya-karya yang lain. Hal ini demikian kerana, gambaran kepelbagaian latar masa dan tempat yang berkaitan sejarah akan mewujudkan perasaan seperti dalam lingkungan waktu dan geografi yang dinyatakan oleh pengarang tersebut.

Selain itu, ciri novel sejarah kedua yang digariskan oleh Lukacs (1962, hlm.43) adalah peristiwa sejarah yang diungkapkan secara tepat dan bermakna, iaitu “*the historical novel therefore has to demonstrate by artistic means that historical circumstances existed in precisely such and such a way*”. Takrifan yang dibawa oleh Lukacs tentang peristiwa sejarah memperlihatkan suatu hubungan yang saling berkaitan dengan tema utama ataupun gagasan idea yang ingin dibawa oleh pengarang ke dalam novel sejarah tersebut. Dalam konteks ayat ini, sebuah novel sejarah semestinya menampilkan

tema yang berunsurkan sejarah melalui pemaparan peristiwa-peristiwa yang berhubungan dengannya. Peristiwa sejarah tersebut perlu diungkapkan dengan maksud yang penuh berseni kerana dalam sesebuah sejarah itu terkandung nilai-nilai pengarang sejarah yang tinggi untuk dipelihara dari satu masa ke satu masa yang lain.

Tambahan itu, peristiwa sejarah yang dipilih oleh pengarang sebagai idea utama dalam penulisan juga perlu dipersembahkan dengan tepat mengikut kesesuaian kepengarangan. Hal ini bertujuan supaya keaslian fakta sejarah yang asal dapat dikekalkan dalam novel sejarah tersebut meskipun pengarang sudah menggembelng daya kreativitinya sewaktu berkarya. Lukacs menekankan ketepatan fakta dalam peristiwa-peristiwa sejarah sebagai suatu perkara yang sangat penting untuk diambil perhatian oleh setiap penulis. Perkara ini dinyatakan oleh Lukacs (1962, hlm.43) seperti petikan berikut:

*‘Authenticity of local colour’ is in actual fact this artistic demonstration of historical reality; it is portrayal of the broad living basis of historical events in their intricacy and complexity in their manifold interaction with acting individuals.*

Lukacs menjelaskan bahawa peristiwa sejarah yang berseni merupakan pancaran keaslian warna tempatan yang dicitrakan melalui realiti pensejarahan. Peristiwa sejarah yang dipersembahkan secara tepat dan telus oleh penulis dalam novel

sejarahnya menggambarkan keunikan yang terdapat dalam sesebuah tamadun bangsa. Setiap peradaban dibangunkan dengan bentuk yang kompleks dan melibatkan perhubungan antara seseorang individu dengan persekitaran di sekelilingnya yang lebih luas. Oleh hal yang demikian, Lukacs menegaskan bahawa peristiwa sejarah dalam sesebuah naratif perlulah mengandungi nilai-nilai sejarah yang tersendiri kerana sejarah yang diolah tersebut melambangkan keaslian warna tempatan yang tidak ada pada bangsa-bangsa yang lain.

Akhir sekali, iaitu ciri novel sejarah yang ketiga merujuk kepada watak atau tokoh sejarah serta masyarakat yang terlibat dengan peristiwa sejarah tersebut. Watak memainkan peranan paling besar untuk menggerakkan sesebuah plot cerita dari satu fasa ke fasa yang lain. Watak utama tidak dapat berdiri dengan sendiri, sebaliknya dibantu dan didokong oleh watak-watak sampingan. Watak-watak sampingan berperanan mengukuhkan peranan watak utama yang dicitrakan oleh pengarang kerana fiksiyen yang digarap melibatkan kelompok watak yang terdiri dalam kalangan manusia. Beralih kepada watak sebagai ciri asas penulisan novel sejarah, watak yang ditampilkan pengarang semestinya seorang protagonis yang berperanan sebagai tokoh sejarah. Hal ini disokong dengan pernyataan Lukacs (1962, hlm.301) bahawa, "*the relations between historical protagonists and the people, it is inevitable that biography should appear as the specific form of the modern historical novel*". Lukacs melihat watak yang dimainkan oleh tokoh sejarah sebagai suatu keperluan khusus dalam bentuk biografi atau dijelmakan dalam bentuk penulisan novel sejarah moden. Tokoh sejarah ialah individu yang berfungsi menggerakkan peristiwa-peristiwa sejarah berdasarkan kerangka masa dan latar tempat yang tertentu. Tokoh sejarah juga boleh terdiri daripada watak sebenar berdasarkan realiti ataupun watak rekaan pengarang yang diwarnai dengan perwatakan yang seiring dengan tema persejarahan. Maka, watak atau tokoh sejarah merupakan ciri penting dalam konsep novel sejarah seperti yang diperkatakan oleh Lukacs (1962, hlm.300) melalui petikan di bawah:

*The popularity of the biographical form in the present-day historical novel is due rather to the fact that its most important exponents wish to confront the present with great model figures humanist ideals as examples, as resuscitated of the great struggles of today.*

Terdapat juga penulisan novel sejarah pada masa kini mendekati bentuk biografi kerana ramai dalam kalangan pengarang yang cenderung untuk mengangkat seseorang tokoh sejarah itu sebagai utama dalam keseluruhan cerita yang digarapnya. Hal ini disebabkan oleh penulis berhajat untuk menjadikan tokoh sejarah tersebut sebagai model, idola ataupun contoh tauladan yang baik untuk dicontohi oleh masyarakat. Secara tidak langsung, pengarang berupaya mendidik khalayak mencintai sejarah negara bangsanya yang tersendiri melalui pemaparan watak yang menghidupkan peristiwa sejarah dalam naratif tersebut. Perkara ini sama seperti dinyatakan oleh Styles (2021), iaitu pentingnya novel sejarah mendidik masyarakat melalui watak utamanya yang serba ideal agar menjadi rujukan peribadi masyarakat kontemporari yang serba kompleks.

Berdasarkan kepada konsep dan tiga ciri utama novel sejarah yang diperihalkan oleh Lukacs, dapat disimpulkan bahawa penghasilan novel sejarah menitikberatkan latar masa dan tempat, peristiwa sejarah yang diungkapkan secara berseni dan tepat serta adanya peranan watak atau tokoh sejarah yang menjadi penggerak kepada keseluruhan plot yang disusun oleh penulis. Namun, konsep dan ciri novel sejarah yang digagaskan oleh Lukacs ini menjurus kepada unsur sejarah sebagai kriteria utama yang membezakannya dengan karya genre lain. Konsep dan ciri-ciri novel sejarah ini juga merupakan ciri-ciri asas kepada penghasilan novel sejarah dan boleh juga diaplikasikan terhadap novel sejarah tempatan.

#### ANALISIS TEKSTUAL NOVEL SEJARAH *TUN PERAK PADUKA RAJA*

Berdasarkan kerangka konseptual yang diutarakan, perbincangan analisis tekstual terhadap novel sejarah *Tun Perak Paduka Raja* difokuskan kepada aspek yang merangkumi latar masa dan tempat, peristiwa sejarah yang berlaku dan juga tokoh-tokoh sejarah yang terlibat dengan peristiwa tersebut. Selanjutnya, huraian dan analisis juga akan meneliti ciri-ciri novel sejarah tersebut secara bandingan dengan fakta sejarah asal. Bandingan ini dilakukan menggunakan teks *Sulalatus Salatin Sejarah Melayu* (1996) dan *Hikayat Hang Tuah* (1966), kerana kedua-dua teks tersebut dijadikan sumber rujukan utama oleh Affifudin dalam menghasilkan novel sejarah *Tun Perak Paduka Raja*.

## LATAR MASA DAN TEMPAT

Pada asasnya, dalam menghasilkan sesebuah novel sejarah yang berbudaya tinggi ia haruslah bercirikan latar masa dan tempat yang sezaman dengan konteks yang dibicarakan. Latar masa dan tempat yang dinyatakan secara jelas oleh pengarang menggambarkan persekitaran dan juga suasana yang sesuai dengan budaya serta cara hidup masyarakat di sesuatu tempat ketika itu. Dalam konteks penulisan novel sejarah, latar masa dan tempat harus mencakupi pelukisan atau penggambaran sejarah tentang lokasi geografi, iaitu perincian terhadap ruang yang spesifik. Ruang-ruang tersebut pula diisi dan dihuni oleh sekelompok masyarakat yang memiliki adat resam serta tatacara hidup yang tersendiri dalam kerangka waktu yang tertentu. Kedua-dua aspek masa dan tempat ini sememangnya saling berkaitan antara satu sama lain seperti yang diperkatakan oleh Lukacs (1962) dalam perbincangan sebelum ini.

Berpandukan novel sejarah *Tun Perak Paduka Raja*, Affifudin mengajak khalayak untuk menoleh semula ke zaman Kesultanan Melayu Melaka yang berlangsung sekitar abad ke-15 dan 16 dahulu. Berlatarkan tahun 1416 Masihi dalam novel tersebut, tarikh ini dianggap sebagai suatu penanda aras yang penting kerana tamadun Melayu menyaksikan kelahiran seorang bayi lelaki yang diberikan nama Tun Perak. Kelahiran Tun Perak merupakan suatu kehadiran yang dinanti-nantikan kerana gerangan itu dikatakan bakal mengemudi Melaka mengecap pelbagai kecemerlangan dan kemasyhuran. Kegembiraan Tun Perpatih Serdang menyambut kelahiran Tun Perak diperihalkan oleh pengarang seperti yang berikut:

Tun Perpatih Serdang sangat gembira apabila beliau dikurniakan seorang anak pada satu pagi dingin tahun 1416 Masihi. Putera yang diberi nama Tun Perak ini sangat comel rupa parasnya, berkulit kekuningan dan bermata bulat kehitaman merenung wajah ayahandanya seolah-olah berkata,

“Ayah! Anakanda akan membawa negara Melaka ini ke puncak kegemilangannya!”

(Affifudin 2017, hlm.1)

Telahan ayahanda Tun Perak sememangnya benar belaka kerana kelahiran anak itu seterusnya menyemarakkan institusi beraja Kesultanan Melayu di Melaka. Masa berganti masa, Tun Perak semakin meningkat remaja dan mengutip pelbagai ilmu pengetahuan dan juga pengalaman yang mendewasakannya. Peta perjalanan kehidupan Tun Perak kemudiannya diisi dengan ceritera beliau yang diangkat menjadi Bendahara di Istana Melaka. Selaku individu yang mendapat sepenuh kepercayaan daripada Sultan, Tun Perak berperanan bagi memastikan kelancaran politik dan kestabilan ekonomi dikekalkan dari masa ke masa demi memelihara penduduk di negara kota itu. Perkara ini selari dengan kajian sejarah yang sememangnya meletakkan Tun Perak sebagai ikon sejarah Melayu yang mempunyai akal fikiran dan juga budi pekerti yang tinggi sehingga berjaya mengemudi Melaka ke arah kemasyhuran (Jelani 2022).

Berdasarkan naratif yang dibangunkan Affifudin menerusi novelnya, Tun Perak memulakan kerjaya beliau sebagai orang kanan di bawah pemerintahan seorang sultan yang bernama Sultan Muzaffar Syah. Setelah Sultan Muzaffar Syah pulang menghadap Ilahi, tampuk pemerintahan kota Melaka kemudiannya dikemudi oleh Sultan Mansur Syah dan seterusnya digantikan oleh Sultan Alauddin Riayat Syah sehingga akhir sekali diterajui oleh Sultan Mahmud Syah. Tun Perak telah menumpahkan jasa dan bakti beliau di bawah pemerintahan empat orang Sultan Melaka tersebut mengikut latar masa dan tempat yang dirakamkan oleh pengarang dalam novel *Tun Perak Paduka Raja* (Affifudin 2017) Raja seperti yang tercatat dalam Jadual 1 di bawah:

JADUAL 1. Latar Masa dan Tempat dalam Novel *Tun Perak Paduka Raja* (Affifudin 2017)

| Bil. | Nama Pemerintah Kerajaan Melaka | Latar Masa       | Latar Tempat |
|------|---------------------------------|------------------|--------------|
| 1.   | Sultan Muzaffar Syah            | 1446-1456 Masihi | Melaka       |
| 2.   | Sultan Mansur Syah              | 1456-1477 Masihi | Melaka       |
| 3.   | Sultan Alauddin Riayat Syah     | 1477-1488 Masihi | Melaka       |
| 4.   | Sultan Mahmud Syah              | 1488-1511 Masihi | Melaka       |



Paparan latar masa dan tempat yang dipersembahkan oleh pengarang dalam novel dilihat sedikit berbeza sekiranya dibandingkan dengan satu kajian terbaharu yang dijalankan oleh para sarjana. Pada tahun 2012, satu kajian tentang penelitian semula terhadap kewujudan Kesultanan Melayu Melaka telah dijalankan oleh kumpulan pengkaji sejarah di Malaysia seperti Abdul Rahman Ismail, Abdullah Zakaria Ghazali dan Zulkanain Abdul Rahman. Kajian tersebut telah dibukukan dengan judul *Penemuan Tarikh Baru Pengasasan Empayar Kerajaan Melayu Melaka 1262*.

Penemuan terbaharu itu menunjukkan bahawa tempoh pemerintahan yang diterajui oleh pemerintah Kesultanan Melayu Melaka yang bernama Sultan Muzaffar Syah, Sultan Mansur Syah, Sultan Alauddin Riayat Syah dan Sultan Mahmud Syah yang dibantu oleh Tun Perak dikatakan berlangsung lebih awal berbanding latar waktu yang tercatat dalam novel *Tun Perak Paduka Raja*. Jadual 2 di bawah menunjukkan latar masa dan tempat pemerintahan empat orang sultan tersebut berdasarkan kajian terbaharu yang dilaksanakan oleh pengkaji sejarah (Abdul Rahman, Abdullah Zakaria & Zulkanain 2012):

JADUAL 2. Latar Masa dan Tempat dalam Buku *Penemuan Tarikh Baru Pengasasan Empayar Kerajaan Melayu Melaka 1262*

| Bil. | Nama Pemerintah Kerajaan Melaka | Latar Masa       | Latar Tempat |
|------|---------------------------------|------------------|--------------|
| 1.   | Sultan Muzaffar Syah            | 1340-1378 Masihi | Melaka       |
| 2.   | Sultan Mansur Syah              | 1378-1449 Masihi | Melaka       |
| 3.   | Sultan Alauddin Riayat Syah     | 1449-1481 Masihi | Melaka       |
| 4.   | Sultan Mahmud Syah              | 1481-1511 Masihi | Melaka       |

Melihat kepada Jadual 1 dan Jadual 2 di atas, latar masa yang ditampilkan jelas bahawa terdapat percanggahan waktu antara kedua-duanya. Pengarang novel *Tun Perak Paduka Raja* mengambil catatan kerangka lama masa sejarah Melaka untuk dimuatkan ke dalam novel beliau berdasarkan rujukannya terhadap teks *Sulalatus Salatin*. Sumber sejarah yang digunakan oleh pengarang novel barangkali mengandungi banyak kelemahan terutamanya catatan masa yang berunsur mitos dan anakronisme. Dalam konteks perbincangan ini, anakronisme dapat dijelaskan sebagai pengisahan sesuatu peristiwa bukan pada waktu sebenar peristiwa itu berlaku. Waktu peristiwa tersebut direka dan diletakkan dalam suatu tempoh bagi melancarkan dan menyedapkan cerita di samping memperlihatkan pengetahuan luas dan kebijaksanaan luar biasa pengarang mengadunkan watak baharu ke dalam peristiwa lampau beberapa lama sebelumnya (Abdul Rahman 2018).

Antara perkara yang sering ditonjolkan tentang persoalan anakronisme ini adalah kisah hubungan Melaka dengan Majapahit dalam teks *Sulalatus Salatin* yang mengatakan bahawa kedua-dua negara kota ini hidup dalam konteks zaman yang sama. Hal ini dapat dijelaskan dengan kewujudan Tun Perak yang dapat dikesan lebih awal berdasarkan penemuan terbaharu tersebut kerana kajian yang dijalankan menunjukkan kota Melaka sudah dibuka seawal tahun 1262 Masihi, manakala kerajaan

Majapahit pula telah dibuka pada tahun 1292 Masihi. Hal ini juga memungkinan Tun Perak pernah hidup sezaman dengan seorang lagi tokoh sejarah hebat Nusantara dari Majapahit, iaitu Patih Gajah Mada yang dipercayai telah berkhidmat sebagai mahapatih dari tahun 1334 Masihi hingga 1359 Masihi (Bayuadhy 2015, hlm.3).

Berdasarkan Jadual 2 juga, dapat difahami bahawa Tun Perak telah dilantik sebagai Bendahara Melaka sebelum Sultan Muzaffar Syah meninggal dunia pada tahun 1378 Masihi, ketika Betara Hayam Wuruk dari kerajaan Majapahit masih hidup dan pengaruh serta nama Patih Gajah Mada masih gagah di Nusantara. Kajian terbaharu tersebut juga memperlihatkan bahawa kemungkinan besar hal itu berlaku pada 1370-an pada waktu Majapahit (1293-1500 Masihi) dan Melaka telah terdiri sekitar satu kurun. Seandainya tarikh dan catatan terbaharu ini diterima dan diguna pakai, dapat disimpulkan bahawa kota Melaka yang berbangga dengan kehadiran Tun Perak sebagai bendahari serta kerajaan Majapahit yang memiliki Patih Gajah Mada sebagai Amangkubhumi telah hidup dalam konteks zaman yang sama. Namun, latar masa dalam kajian yang dijalankan tersebut masih lagi belum diterima secara umum dan menyeluruh oleh para sarjana tempatan mahupun Barat memandangkan kajian terperinci masih dijalankan dari masa ke semasa.

Di samping itu, latar masa dan tempat yang dimunculkan oleh pengarang novel *Tun Perak*

*Paduka Raja* adalah ketika zaman pemerintahan Sultan Mahmud Syah. Pemerintahan Sultan Mahmud Syah merupakan permulaan kepada kejatuhan kepada negara kota tersebut kerana sikap berfoya-foya sultan telah merosakkan imej dan kesucian institusi beraja di Melaka. Keadaan Melaka bertambah genting tatkala Tun Perak sudah menjengah usia dan tidak lagi berupaya membantu Sultan Mahmud Syah mentadbir negara. Kota Melaka sekali lagi dikirim perkhabaran duka apabila Tun Perak dijemput menghadap Penciptanya Yang Maha Esa. Perkara ini dilukiskan oleh pengarang seperti petikan yang berikut:

Pada pagi subuh hari raya Aidil-fitr tahun Masihi 1498 itu, Tun Perak menghembuskan nafasnya yang terakhir, diiringi rohnya oleh takbir dan tahmid mengagung dan membesarkan Allah Maha Pencipta. Melaka kehilangan seorang putra yang telah berjasa membina kegemilangannya tanpa tolok banding sepanjang zaman.

(Affifudin 2017, hlm.500)

Peredaran masa dari satu fasa ke fasa yang lain memperlihatkan jatuh bangun negara Melaka yang ditunjangi oleh seorang pemimpin berjiwa besar seperti Tun Perak. Ketiadaan Tun Perak dalam struktur pemerintahan negara ternyata menjejaskan suasana politik, ekonomi dan sosial negara kota itu. Pada tahun 1515, Melaka telah kehilangan sinarnya apabila tanah tumpah Melayu itu dicerobohi buat pertama kalinya oleh kolonial Eropah dari Portugis. Kedatangan penjajah asing itu sama sekali telah mencemarkan kesucian institusi beraja Melayu di samping meruntuhkan tampuk pimpinan raja-raja Melayu setelah sekian lama bernafas di bumi Melaka.

#### PERISTIWA SEJARAH YANG DIUNGKAPKAN SECARA TEPAT DAN BERMAKNA

Penulisan novel sejarah semestinya memerlukan beberapa peristiwa penting yang menjadi intipati atau idea utama untuk diolah secara menarik oleh pengarang. Menurut Shahnnon (1989) dan Prince (2021), peristiwa-peristiwa dalam sebuah cerita tidak boleh berdiri dengan sendiri dan bersifat berantai kerana ada sebab dan akibatnya. Perkara ini sinonim dengan takrifan Lukacs (1962) yang mengatakan sesebuah novel sejarah seharusnya mengungkapkan peristiwa sejarah yang disampaikan secara tepat dan bermakna. Melalui paparan peristiwa yang dipersembahkan oleh pengarang melalui naratifnya, sesebuah sejarah yang kaku dapat dihayati dengan

gaya penceritaan yang lebih menarik menurut kronologinya yang disusun secara teratur.

Berdasarkan novel *Tun Perak Paduka Raja*, ciri kedua novel sejarah yang digagaskan oleh Lukacs ini memperlihatkan pengarang novel telah merangkumkan beberapa peristiwa penting yang tercatat dalam sejarah peradaban bangsa Melayu. Keterlibatan Tun Perak dalam Kesultanan Melayu Melaka telah bermula seawal peristiwa serangan Siam terhadap negara kota tersebut. Pengarang menampilkan peranan Tun Perak yang berusaha menyusun strategi untuk melawan pihak musuh yang bercita-cita untuk menawan negara Melaka. Tun Perak kemudiannya membawa sekali anak dan isteri beliau serta ahli keluarganya yang lari dari Klang menuju ke Melaka bagi membantu menguatkan barisan ketenteraannya yang akan berhadapan dengan armada Awi Cakri dari Siam. Peristiwa ini telah diperlihatkan oleh pengarang novel seperti berikut:

Tun Perak lantas mengembelingkan semua rakyat Klang yang boleh mengangkat senjata supaya mengikut beliau menuju ke bandar Melaka. Mereka diminta oleh Tun Perak supaya membawa anak isteri sekali ke Melaka dan ke medan perang. Rakyat Klang menyambut seruan Tun Perak ini tanpa banyak soal, lalu menuju ke Melaka beramai-ramai untuk mempertahankan negara. Tun Perak sendiri membawa semua anak dan isterinya bersama ke Melaka.

(Affifudin 2017, hlm.61-62)

Serangan Siam terhadap kota Melaka merupakan suatu peristiwa penting dalam sejarah tamadun bangsa Melayu yang mengetengahkan Tun Perak sebagai individu yang mengepalai perang tersebut. Peristiwa ini juga telah dirakamkan dengan lebih awal oleh Tun Sri Lanang dalam teks *Sulalatus Salatin* (A. Samad, 1996, hlm.89) seperti gambaran di bawah:

Maka, Tun Perak pun mudik ke Melaka membawa orang Kelang dengan segala anak bininya sekali. Maka, orang Kelang pun masuk menghadap raja, persembahkan segala perihal, demikian sembahnya; “Tuanku, segala teluk rantau yang lain semuanya menghadap dengan lelaki juga, akan patik sekaliannya dibawa oleh Tun Perak dengan perempuan.”

Tambahan itu, peristiwa tersebut turut diungkapkan secara tepat dan bermakna oleh Affifudin apabila beliau memasukkan naratif yang memperlihatkan keterlibatan askar-askar Melayu Melaka yang bekerja seperti aur dengan tebing bagi memastikan benteng pertahanan mereka tidak dapat dicerobohi oleh pihak musuh. Pengarang juga menghidupkan peristiwa peperangan tersebut dengan

mengetengahkan watak Tun Perak yang bertindak sebagai pakar pemikir dalam penyusunan strategi untuk menentang Siam. Affifudin menampilkan peristiwa tersebut dengan gayanya yang tersendiri apabila Tun Perak digambarkan sebagai seorang yang sangat menitikberatkan syariat Islam dan berpegang teguh kepada adab peperangan seperti yang dianjurkan oleh Nabi Muhammad S.A.W. Petikan di bawah merupakan naratif yang diolah oleh Affifudin (2017, hlm.77) untuk menghidupkan semula peristiwa sejarah dengan gaya penceritaan yang lebih santai dan menarik:

Tun Perak mengarah parit-parit yang melintang gajah digali dan disembunyikan secara ditutup dengan kayu dan daun. Ini sedikit sebanyak akan menjejaskan kemaraan gajah perang Siam apabila mereka berjalan ke arah ketumbukan Melaka yang sedang menunggu di hadapan. Tun Perak teringat strategi yang diguna pakai oleh Rasulullah semasa perang Khandak dahulu di mana kuda-kuda musuh terjejas dalam penerkamannya ke arah tentera Islam. Parit-parit yang digali Rasulullah dan tenteranya berperanan besar menumbangkan kuda-kuda musuh.

Bertujuan meneladani Rasulullah, Tun Perak meninggalkan dastarnya lalu mengambil sebilah cangkul. Beliau mengepalai sekumpulan prajurit mula menggalikan parit-parit yang akan memerangkap gajah perang Siam itu.

Kemenangan yang berpihak kepada kumpulan tentera Tun Perak telah memutuskannya untuk tidak lagi menetap di Klang. Sebaliknya, mereka sekeluarga kembali ke kota Melaka dan terus menetap di sana. Sultan Muzafar Syah yang sukacita atas kekalahan pihak Siam yang dipatahkan oleh pimpinan Tuan Perak telah meletakkan diri Tun Perak di suatu kedudukan yang istimewa. Tun Perak telah dikurniakan dengan gelaran Paduka Raja yang mengiktiraf diri beliau sebagai orang kepercayaan sultan. Walau bagaimanapun, kegembiraan yang dirasai oleh Tun Perak telah menyemarakkan rasa iri hati dalam jiwa Bendahara Seri Nara Diraja yang tergugat dengan kehadiran Tun Perak di Istana Melaka yang dikhabarkan bakal menggantikan jawatan yang sedang disandangnya kini.

Rentetan daripada itu, Bendahara Seri Nara Diraja berpakat dengan Sang Nawang, iaitu seorang India Muslim dengan cara mahu memfitnah Tun Perak. Natijahnya, berlakunya satu peristiwa yang melibatkan orang Melayu 'bersinggit' dengan kumpulan orang India Muslim yang dipimpin oleh Bendahara Seri Nara Diraja. Bendahara Seri Nara Diraja meminta Sang Nawang untuk menaburkan fitnah dengan mengatakan bahawa Tun Perak masuk ke rumah Tun Ali untuk bermukah dengan dayang-

dayangnya. Akibat daripada fitnah yang tersebar luas itu, reputasi Tun Perak sebagai seorang alim dan taat kepada perintah agama sedikit sebanyak telah terjejas dan menghakis kepercayaan masyarakat setempat, khususnya yang individu beragama Islam. Peristiwa tersebut dibangunkan oleh Affifudin (2017, hlm.95-96) berdasarkan dialog di bawah:

"Betulkan apa yang dicerita tu? tanya seorang awam kepada agen Sang Nawang yang dibayar upah.

"Jangan disangka air tenang tiada buaya!" jawab agen itu, Bukankah Tun Perak lari ke Klang dahulu kerana dia mencerooboh isteri orang? Dia takut dihukumi Sultan!

"Masya Allah! Tidak pernah aku dengar cerita ini!" ujar orang awam.

"Di sama itu Sultan Muzafar Syah yang bahar menaiki takhta tidak mahu istana tercemar lagi selepas bapa Tun Perak membunuh diri," jelas agen Sang Nawang, "Sultan sendiri menasihati Tun Perak supaya keluar dari Melaka!

Peristiwa ini dirahsiakan hingga ke hari ini apabila dia muncul semula di Melaka!"

Cerita ini merebak ke dalam masyarakat seperti api membakar lalang kering. Apabila Sultan Muzafar Syah mengetahui cerita ini, baginda sangat murka.

Peristiwa yang digambarkan oleh pengarang seperti dalam dialog di atas merupakan adaptasi daripada sejarahnya yang asal seperti dalam tercatat dalam sejarah Melayu. Akibat dipengaruhi oleh sifat dengki dan tamak haloba, Tun Ali sanggup memfitnah Tun Perak dengan tuduhan yang tidak berasas sehingga menimbulkan kemurkaan Sultan Muzafar Syah. Peristiwa ini juga merupakan salah satu peristiwa penting yang dirakamkan oleh Tun Sri Lanang dalam teks *Sulalatus Salatin* (1996, hlm.92) seperti yang berikut:

Setelah Paduka Raja jadi Orang Besar, maka segala anak Melayu pun berbelahlah, setengah pada Paduka Raja dan setengah pada Seri Nara Diraja, kerana keduanya sama Orang Besar berasal. Maka seri Nara Diraja tiada muafakat dengan Paduka Raja, sentiasa bersinggit juga. Berapa kali lelayan Paduka raja kedapatan dengan Paduka Raja dalam kampung Seri Nara Diraja.

Apabila berita tersebut sampai ke pengetahuan Sultan Muzafar Syah, baginda berkira-kira mahu mencari jodoh untuk Bendahara Seri Nara Diraja Tun Ali supaya beliau tidak lagi mencetuskan kekecohan di kota Melaka. Konflik perkauman itu akhirnya dapat diselesaikan dengan berlakunya pernikahan antara Seri Nara Diraja dengan Tun Kudu yang

merupakan permaisuri kepada Sultan Muazaffar Syah dan adinda Tun Perak. Dengan termeterainya ikatan perkahwinan tersebut, maka hubungan Tun Perak dan Seri Nara Diraja dapat dijernihkan dan peristiwa itu dipersembahkan oleh Affifudin (2017, hlm.101) seperti dalam petikan di bawah:

Sebagaimana dibuat telahan, Tun Ali menerima gagasan Sultan Muzafat Syah dengan senang hati. Kini kerjayanya menguruskan khazanah negara sebagai Penghulu Bendahari memberi banyak ruang masa untuk bersama isterinya Tun Kudu yang sangat cantik itu. Dan kini ikatan kekeluarganya dengan Tun Perak melalui isteri baharunya Tun Kudu memastikan kedamaian terjamin di antara mereka berdua.

Sultan Muzafar Syah menabalkan Tun Perak sebagai Bendahara menggantikan abang ipar baharunya, Tun Ali. Tun Perak kini bergelar Bendahara Paduka Raja, bukan lagi hanya Paduka Raja.

Di samping itu, terdapat sebuah lagi peristiwa sejarah yang penting dan bermakna yang dirakamkan oleh pengarang dalam novel *Tun Perak Paduka Raja*. Dalam bab 45, pengarang mengisahkan peristiwa Raja Muhammad membunuh anakanda Tun Perak yang bernama Tun Besar. Insiden hitam tersebut berlaku sewaktu Tun Besar dan rakan-rakannya sedang bermain sepak raga dan secara tidak sengaja bola sepak raga tersebut telah melantun ke arah Raja Muhammad. Hal ini diperincikan oleh Affifudin (2017, hlm.336) berdasarkan pemerian yang berikut:

Pada suatu ketika semasa anak-anak buah Tun Perak sedang bermain sepak raga, Raja Muhammad bersama rakan-rakannya menunggang kuda berlalu di tepi gelanggang. Semasa itu Tun Besar anak Tun Perak menyepak bola sepak raganya ke arah seorang rakan sepermainan. Sepakan itu terlalu kuat, maka ianya tersasar melantun mengenai dastar Raja Muhammad, tertanggal dastar itu dari kepalanya lalu jatuh ke tanah.

Tun Besar terus berlari ke arah kuda Raja Muhammad, diambilnya dastar untuk dipakai semula kepada Raja Muhammad yang sudah pun turun dari kudanya. Apabila Tun Besar mengangkat dastar itu ke kepala Raja Muhammad, maka dengan tidak disangka Raja Muhammad menikam perutnya dengan keris pendek.

Kematian Tun Besar itu telah menggemparkan seluruh Istana Melaka dan mengundang kemurkaan Sultan Mansur Syah. Perbuatan Raja Muhammad itu sememangnya tidak dapat dimaafkan oleh Tun Perak, tetapi Bendahara Melaka itu terpaksa jua mengalah memandangkan Raja Muhammad merupakan anak kepada Sultan Melaka. Oleh hal yang demikian, Tun Perak mengambil keputusan untuk menyerahkan Raja Muhammad menghadap Sultan Mansur Syah bagi menerima hukuman yang selayaknya.

Berdasarkan sejarah asal yang dicatatkan oleh Tun Sri Lanang dalam teks *Sulalatus Salatin* (1996, hlm.153), Raja Muhammad diarahkan untuk keluar dari Melaka setelah peristiwa pembunuhan Tun Besar disiasat dengan seadil-adilnya. Kemurkaan Sultan Mansur Syah terhadap Raja Muhammad digambarkan oleh Affifudin (2017, hlm.314) seperti berikut:

“Huh! Ke mana harus kita buangkan budak ini?” tanya Sultan Mansur Syah.

“Patik fikir biarlah dia dihantar ke Pahang menjadi Sultan di situ!” jawab Tun Tuah, “Pahang masih tiada sultan dan masih dipangku pemerintahannya oleh Dato’ Seri Bira Diraja!”

“Hmm! Cadangan itu tepat sekali,” titah Sultan Mansur Syah, “Sebelum dibawanya ke Pahang, biarlah dia dibawa bertaubat di hadapan ayahanda Tun Perak dahulu!”

Berdasarkan kepada semua peristiwa yang diketengahkan oleh pengarang, dapat dilihat bahawa Affifudin menghidupkan semula sejarah lama peradaban Melayu yang menampilkan gerangan Tun Perak dengan gaya penceritaan yang lebih segar melalui ungkapan dialog, pemerian dan sebagainya. Peristiwa-peristiwa sejarah tersebut bukanlah sahaja seringkali dipertuturkan secara lisan dari zaman ke zaman, tetapi juga terkandung dalam teks sastera Melayu tradisional. Hal ini membuktikan pemilihan peristiwa yang dilakukan oleh Affifudin adalah berdasarkan rujukannya terhadap sumber sejarah yang kemudiannya diolah dalam bentuk fiksiyen yang menarik untuk dijadikan santapan minda khalayak.

#### TOKOH SEJARAH

Keberadaan Tun Perak dalam tampuk pimpinan Kesultanan Melayu Melaka sememangnya seperti pucuk dicita ulam mendatang. Setelah kematian ayahanda tercinta, Tun Perak membesar sebagai seorang anak muda yang berdikari dan berusaha mencari nafkah dengan titik peluhnya sendiri. Beliau mengutip pengalaman demi pengalaman serta menambahkan ilmu pengetahuan dari masa ke masa sehingga melayakkan diri beliau untuk mengambil alih jawatan Bendahara Melaka yang dahulunya pernah disandang oleh ayahandanya, iaitu Tun Perpatih Serdang. Bakat kepimpinan yang mengalir dalam diri Tun Perak semestinya diwarisi daripada ayahandanya bak kata pepatah Melayu, ke mana tumpahnya kuah kalau tidak ke nasi.

Menurut Jelani (2017), bendahara menduduki tempat teratas selaku seseorang yang berpengetahuan luas dalam kepimpinan, tua dari segi usia dan juga berpengalaman dalam membuat keputusan. Dalam sistem politik tradisi Kesultanan Melayu Melaka pula, jawatan bendahara diisi oleh Tun Perak yang berperanan menjadi tulang belakang kepada sultan. Beliau bertanggungjawab memastikan kelancaran pemerintahan negara dalam segenap aspek termasuk hal ehwal politik, ekonomi dan sosial penduduk di kota Melaka. Catatan sejarah menunjukkan bahawa Bendahara Seri Paduka Raja Tun Perak merupakan Bendahara Melaka yang kelima dan merupakan bendahara yang termasyhur antara semua bendahara Melaka. Pangkat yang membawa gelaran Bendahara Paduka Raja dalam Kesultanan Melayu Melaka adalah setanding dengan Perdana Menteri moden.

Berpandukan kepada novel sejarah Nusantara yang diilhamkan oleh Affifudin, judul karyanya sudah jelas mencitrakan keperibadian Tun Perak sebagai ikon sejarah yang penting untuk ditekuni. Novel Tun Perak Paduka Raja sememangnya mengangkat Tun Perak sebagai watak utama yang mengisahkan peristiwa-peristiwa sejarah sewaktu pemerintahan empat orang Sultan Melaka, iaitu Sultan Muzaffar Syah, Sultan Mansur Syah, Sultan Alauddin Riayat Syah dan Sultan Mahmud Syah. Ketokohan Tun Perak dalam bidang politik khususnya, ditampilkan oleh Affifudin menerusi kebijaksanaan Bendahari Melaka itu menjalinkan hubungan diplomatik dengan kuasa-kuasa besar seperti Siam dan Majapahit. Tun Perak memilih mengadakan hubungan dua hala antara kedua-dua buah negara tersebut bagi mengelakkan pertumpahan darah di samping mengukuhkan pertahanan kota Melaka daripada serangan musuh-musuh luar.

Armada perang yang dimiliki oleh kota Melaka juga membolehkan Tun Perak melancarkan peperangan untuk menawan pelabuhan-pelabuhan di sepanjang Tasik Melayu. Terdapat beberapa buah pelabuhan yang singgah berdagang di pelabuhan Melaka kerana Melaka merupakan pelabuhan paling utama dan termaju di alam Melayu ketika itu. Justeru itu, Tun Perak mengambil kesempatan yang terbentang di hadapan matanya untuk menawan pelabuhan-pelabuhan kecil bagi mengukuhkan lagi ekonomi negara kota tersebut. Perkara ini dilukiskan oleh Affifudin (2017, hlm.117-119) untuk memperlihatkan kebijaksanaan Tun Perak dalam membina benteng yang akan melindungi Melaka daripada campur tangan kuasa lain:

“Ampun tuanku!” sembah Tun Perak, “Sebelum kita dapat mematahkan cita-cita Siam dan Majapahit, kita perlu menakluki semua pelabuhan di kiri kanan Tasik Melayu ini, untuk memastikan mereka tidak bersaing dengan kita!”

“Apa pelabuhannya? tanya Sultan.

“Temasik, Inderagiri, Siak, Kampar, Rokan, Bruas, Haru, Pasai dan Kedah Tuanku!” sembah Tun Perak, “Semua pelabuhan ini boleh mengambil alih peranan kita sebagai pelabuhan perdana di rantau ini bila-bila masa nanti. Tiada ada kelebihan kita ke atas mereka jikalau dibandingkan kedudukan kita dan mereka di pertengahan perjalanan timur-barat perdagangan dunia...”

“Jadi mereka harus ditakluki?” tanya Sultan Mansur Syah.

“Ampun Tuanku!” sembah Tun Perak, “Kita tiada jalan lain melainkan membawa mereka ke bawah pemerintahan kita!”

“Hmm! Penaklukan mereka akan menambahkan kekayaan negara Melaka ini?” tanya Sultan Mansur Syah.

“Sudah tentu Tuanku!” sembah Tun Perak, Di samping itu Tuanku, mereka akan menjadi telinga dan mata kita mengawasi tindak tanduk musuh kita di utara, iaitu Siam, dan di selatan iaitu Majapahit,” tambah Tun Perak, “Tenaga ketenteraan kita akan bertambah apabila rakyat di jajahan-jajahan takluk dikerah mempertahankan diri mereka serta negara ibu di sini!”

“Bijak ayahandaku Tun Perak ini,” titah Sultan Mansur Syah, sambil tersenyum.

Selain itu, Tun Perak melakukan pelbagai pembaharuan dan transformasi terutamanya dalam bidang ekonomi apabila beliau menumpukan sepenuh perhatian terhadap aktiviti atau kegiatan perdagangan di pelabuhan Melaka. Perkembangan ekonomi yang pesat di Melaka pada abad ke-15 telah menyebabkan ramai pedagang asing datang bermastautin di negara itu. Secara tidak langsung, perkara tersebut turut menyumbang kepada pertambahan penduduk di kota Melaka. Oleh hal yang demikian, Tun Perak telah menyusun semula struktur pentadbiran bagi melancarkan ekonomi perdagangan Melaka dengan memperkenalkan sistem percukaian. Hal ini dijelaskan oleh Affifudin (2017, hlm.104) seperti berikut:

Tun Perak memusatkan sistem pentadbiran negara di mana segala hasil cukai mesti disalurkan kepada Jabatan Penghulu Bendahari. Beliau melantik beberapa orang Bendahari di bawah kelolaan Penghulu Bendahari yang di bawah mereka dilantik pula beberapa orang Syahbandar terdiri daripada berbagai kaum. Cara begini menyenangkan proses perniagaan kerana tiap-tiap rupa bangsa yang datang berniaga di Melaka mempunyai tempat tuju untuk berniaga; orang India bertumpu kepada syahbandar Gujerati atau Tamil, orang Cina kepada syahbandar Cina, orang Arab kepada syahbandar Arab dan seterusnya lain-lain bangsa kepada syahbandar daripada bangsanya.

Di samping itu, Tun Perak juga menggubal kanun pelabuhan dan pelayaran di laut Melaka bagi melicinkan urusan pentadbiran serta jual beli. Tun Perak merupakan individu yang memperkenalkan Undang-Undang Laut Melaka yang menggariskan panduan ketika menjalankan urusan perniagaan di pelabuhan tersebut. Undang-undang tersebut berfungsi sebagai panduan peraturan di laut seperti tatacara, larangan-larangan dan tanggungjawab nakhoda dan seluruh anak kapalnya. Dengan adanya penggubalan undang-undang yang mengatur aktiviti-aktiviti di laut mahu pun di darat, maka perkara ini telah menarik ramai lagi pedagang antarabangsa untuk bertumpu di pelabuhan Melaka. Kedudukan Selat Melaka yang istimewa dalam lokasinya yang strategik juga merancakkan lagi aktiviti perdagangan kerana para pedagang merasa selamat dan terjamin untuk melakukan urusan jual beli di negara kota tersebut.

Perkembangan ekonomi juga telah menambahkan kekayaan kota Melaka dan berupaya untuk membina satu lagi angkatan perang yang dapat menandingi kekuatan Siam dan juga Majapahit. Tun Perak mempersiapkan bala tenteranya dengan kelengkapan perang dan kemudahan yang cukup memandangkan ikhtisas Melaka berada di kemuncaknya. Keuntungan yang dimiliki hasil ekonomi perdagangan membolehkan Tun Perak merencana pelbagai strategi untuk memastikan kota Melaka terus memacu kemajuan di hari-hari mendatang. Kecekapan Tun Perak menguruskan pentadbiran politik dan ekonomi, Melaka berupaya untuk mencapai zaman kegemilangannya dan terkenal megah di seantero dunia seperti yang terakam dalam catatan sejarah.

Dari segi sahsiah diri pula, Tun Perak merupakan seorang pemimpin yang menjadikan *Al-Quran* dan sunnah sebagai pegangan hidupnya. Keperibadian diri Tun Perak seringkali dijadikan contoh tauladan oleh segenap lapisan masyarakat yang mendiami bumi Melaka. Tun Perak bukan sahaja seorang yang taat pada perintah agama dan rasul, tetapi juga beliau menerapkan konsep taat kepada raja yang adil. Bagi Tun Perak, seorang raja yang adil perlu dipatuhi oleh setiap penduduk tidak kira tua mahu pun muda kerana raja melambangkan kedaulatan yang tinggi dalam adat resam Melayu yang sudah sekian lama bertapak di bumi ini. Secara peribadinya, Tun Perak telah berjaya mendidik salah seorang sultan Melaka dengan ajaran duniawi dan ukhrawi yang seimbang. Sultan Melaka yang bertuah itu ialah Sultan Alauddin Riayat Syah, iaitu anakanda kepada Sultan

Mansur Syah. Semenjak kecil, Sultan Alauddin Riayat Syah diterapkan dengan ilmu agama yang membolehkan baginda membasmi anasir-anasir jahat yang dibawa oleh pedagang asing masuk ke Tanah Melayu. Perkara ini dapat dibuktikan melalui penceritaan yang dipersembahkan oleh Affifudin (2017, hlm.461) seperti yang berikut:

Di kalangan sultan-sutan Melaka, Sultan Alauddin Riayat Syah lah yang paling alim dan warak sebagai seorang mukmin. Inilah satu hasil daripada pimpinan Tun Perak dan Tun Tuah. Baginda dididik di dalam ilmu agama oleh beberapa orang ulama termasuk Maulana Abu Bakar, dan di dalam ilmu dunia oleh Tun Perak dan Tun Tuah.

Satu daripada tindakan baginda menyusun istananya semula ialah membasmikan penyimpanan gundek-gundek di istana. Hanya dayang-dayang dan khadam istana yang diberi gaji sahaja yang mengurus istana. Gundek-gundek ayahnya dari negeri Cina dibebaskan untuk hidup sendiri di Bandar Melaka.

Sultan Alauddin Riayat Syah mengharamkan rumah-rumah pelacuran dan juga serta rumah menghisap candu. Tetapi kegiatan-kegiatan ini terus berjalan secara haram. Arak diharamkan daripada memasuki istana, tetapi diminum secara curi-curian di bandar Melaka.

Sebagai seorang bendahara yang prihatin terhadap anak bangsanya, Tun Perak berusaha memerangi kegiatan maksiat yang berlaku secara berleluasa di bandar Melaka. Kemasukan peniaga-peniaga dari luar telah mendedahkan masyarakat Melayu dengan aktiviti pelacuran, menghisap candu dan bermain judi. Perkara ini sedikit sebanyak telah mengubah gaya hidup dan tatacara masyarakat setempat yang dahulunya mengamalkan adat resam timur kepada budaya moden yang lebih sosial. Oleh yang demikian, Tun Perak memanfaatkan kekuasaan yang diberi kepadanya dengan cara memusnahkan rumah pelacuran, judi dan maksiat. Tun Perak juga telah menggubal pelbagai undang-undang yang berkaitan dengan sosial masyarakat di Melaka bagi membolehkan beliau dan seluruh isi istana menjatuhkan hukuman secara adil kepada pesalah-pesalah yang ditangkap.

Walau bagaimanapun, peranan Tun Perak sebagai Bendahara Melaka tidak hanyalah bergantung kepada diri beliau semata-mata, sebaliknya didokong oleh beberapa individu lain yang menjadi orang kanan Tun Perak. Antara tokoh sejarah lain yang sering dikaitkan dengan Tun Perak sudah semestinya Laksamana Hang Tuah lima bersaudara. Hubungan Tun Perak dengan Hang Tuah sudah lama terjalin dan kekal erat seperti seorang bapa dengan anak. Tanpa adanya bantuan

daripada Laksamana Hang Tuah, terutama sekali dalam bidang ketenteraan dan pertahanan, Tun Perak juga tidak mungkin dapat mengemudi Melaka ke arah yang lebih jauh bagi menyebarkan kuasa dan pengaruh negara kota itu.

Selain Hang Tuah, Tun Perak turut dibantu oleh barisan-barisan pemimpin yang menduduki tampuk pimpinan Kesultanan Melayu Melaka yang arif dalam aspek-aspek yang lain. Tun Perak seringkali mendapatkan nasihat para ulama' dan ahli-ahli istana untuk memastikan hal ehwal pentadbiran berjalan dengan lancar. Sikap rendah diri, berjiwa mulia dan komited dalam melaksanakan tugas membuatkan Tun Perak disanjung tinggi oleh masyarakat Melaka dahulu dan masih diceritakan daripada satu generasi ke generasi yang lain sebagai ikon sejarah Nusantara yang terbaik untuk diteladani.

#### DAPATAN KAJIAN

Secara keseluruhannya, hasil perbincangan menunjukkan bahawa novel *Tun Perak Paduka Raja* oleh Affifudin jelas sekali menampilkan ciri-ciri novel sejarah yang digagaskan oleh Lukacs. Ciri novel sejarah yang pertama, iaitu latar masa dan tempat yang dipaparkan oleh pengarang dengan jelas dan terperinci mengikut zaman pemerintahan para sultan yang silih berganti. Hasil perbincangan juga menimbulkan persoalan anakronisme yang memperlihatkan perbezaan catatan masa yang dirujuk oleh Affifudin berbanding catatan masa dalam sebuah kajian terbaharu oleh pengkaji sejarah. Walau bagaimanapun, latar masa yang dibahaskan masih lagi dalam kajian dan perbincangan para sarjana yang dijalankan dari masa ke masa.

Ciri novel sejarah yang kedua pula, iaitu peristiwa sejarah yang diungkapkan secara tepat dan juga bermakna turut dimasukkan oleh pengarang novel. Antara peristiwa penting yang dipilih oleh Affifudin adalah peristiwa pembunuhan Tun Besar oleh Raja Muhammad. Kesemua peristiwa yang dipersembahkan dalam novel menghidupkan jalan cerita yang digarap oleh pengarang dengan adanya penampilan istimewa Tun Perak sebagai tokoh sejarah Nusantara.

Ciri novel sejarah yang terakhir adalah watak atau tokoh sejarah yang hidup atau tinggal dalam rumpun masyarakat yang tertentu. Dalam novel *Tun Perak Paduka Raja*, watak utama yang mendokong keseluruhan cerita diterajui oleh watak Tun Perak. Ketokohan Tun Perak sebagai seorang Bendahara Melaka yang masyhur ditonjolkan oleh

pengarang melalui kejayaan beliau membawa Melaka ke puncak kegemilangannya. Affifudin menjulang Tun Perak sebagai ikon sejarah yang perlu dikenang oleh generasi masa kini kerana nama Tun Perak merupakan suatu nama yang pernah melakar kejayaan dalam sejarah tamadun bangsa Melayu. Ringkasnya, novel *Tun Perak Paduka Raja* ini ternyata memenuhi ketiga-tiga ciri yang disarankan oleh Lukacs dengan gaya persembahan pengarangnya yang tersendiri.

#### KESIMPULAN

Tuntasnya, Tun Perak diangkat oleh Affifudin ke dalam karyanya sebagai ikon sejarah yang berjaya membawa pelbagai kemasyhuran kepada Melaka. Oleh yang demikian, penghasilan novel sejarah *Tun Perak Paduka Raja* perlu diteliti secara mendalam untuk menilai ketepatan fakta yang telah dialih ke dalam bentuk fiksi oleh pengarangnya. Hal ini juga bertujuan supaya khalayak selaku pembaca tidak menerima maklumat yang menyeleweng daripada landasan sejarah itu sendiri atau berasa keliru dengan penceritaan yang dipersembahkan oleh pengarang berbanding dengan sejarah asal cerita tersebut.

Berdasarkan analisis tekstual yang dilakukan, ternyata bahawa Affifudin melalui penghasilan *Tun Perak Paduka Raja* menekankan ketiga-tiga ciri novel sejarah yang digariskan oleh Lukacs, iaitu latar masa dan tempat, peristiwa sejarah yang diungkapkan secara tepat dan bermakna dan tokoh sejarah yang berperanan untuk menggerakkan peristiwa tersebut. Affifudin membangunkan novelnya berdasarkan pengisahan riwayat hidup Tun Perak secara luas dan menyeluruh. Beliau memadatkan isi penceritaan dengan menampilkan waktu permulaan, perkembangan, kegemilangan dan kehancuran kota Melaka yang digerakkan oleh watak Tun Perak terhadap naratifnya. Affifudin ternyata merujuk sumber-sumber sejarah tertentu sewaktu penghasilan novel sejarah *Tun Perak Paduka Raja*.

Akhir sekali, inisiatif yang diambil oleh Affifudin untuk menghasilkan novel sejarah sebegini sememangnya suatu tindakan yang harus diberikan pujian kerana beliau ialah individu yang peka akan kepentingan mengetengahkan sejarah dalam dunia kesusasteraan. Tanpa adanya penulisan dalam bentuk novel sejarah, khalayak masa kini dan generasi akan datang berangkali tidak mengenal Tun Perak yang telah banyak melakarkan sejarah yang hebat dan membanggakan tamadun bangsa. Novel

*Tun Perak Paduka Raja* telah membantu khalayak untuk mendekati tokoh-tokoh sejarah dengan pendekatan yang lebih berkesan melalui pengisahan kesusasteraan.

#### RUJUKAN

- A. Samad Ahmad. (Penyelenggara). 1996. *Sulalatus Salatin Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahman, Abdullah Zakaria Ghazali. & Zulkanaian Abdul Rahman. 2012. *Penemuan Tarikh Baru Pengasasan Empayar Kerajaan Melayu Melaka 1262*. Batu Berendam: Institusi Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP).
- Abdul Rahman. 2018. *Kesultanan Melayu Melaka 1262-1528 Penelitian Semula*. Batu Berendam: Institusi Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP).
- Abdullah Karim. 2021. *Building Nation with Art and Culture*. Istanbul: Pine Publisher.
- Affifudin Omar. 2017. *Tun Perak Paduka Raja*. Kuala Lumpur: Afif Books Sdn. Bhd.
- Baharudin Ali Masron al-Haj. 2010. *Ikon Dua Zaman: Tun Perak dan Tun Razak*. Kuala Lumpur: Ilham Baru.
- Bayuadhy, G. 2015. *Kisah Cinta Gajah Mada: Kontroversi Kehidupan Sang Mahapatih*. Yogyakarta: Narasi.
- Mohamed Nazreen Shahul Hamid  
Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh  
Universiti Sains Malaysia  
nazreen@usm.my
- Has Alia Hasnan  
Universiti Sultan Azlan Shah  
aliahasnan@gmail.com
- Rohaya Md. Ali  
Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah,  
Universiti Utara Malaysia  
aya@uum.edu.my
- Bram, C. 2016. *The Art of History: Unlocking the Past in Ficion and Nonfiction*. Minnesota: Graywolf Press.
- Cuddon, J.A. 1991. *The Penguin Dictionary of Literary Terms and Literary Theory*. London: Penguin Books.
- Fleishman, A. 1971. *The English Historical Novel*. Bailtmore: John Hopkins Press.
- Has Alia Hasnan Hasnan & Mohamed Nazreen Shahul Hamid. 2022. Creativity and Authorship in Historical Novels: A Comparative Analysis of Affifudin Omar's Tun Perak Paduka Raja and Langit Kresna Hariadi's Gajah Mada Makar Dharmaputra. *Malay Literature* 35(2): 173-198.
- Hutcheon, L. 1992. *A Poetics of Postmodernism: History, Theory, Fiction*. London: Routledge.
- Jelani Harun. 2022. *Falsafah dalam Karya Sastera Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jelani Harun. 2017. *Karya Agung dan Politik Kenegaraan Melayu*. Pulau Pinang: Penerbit USM.
- Kassim Ahmad. (Penyelenggara). 1966. *Hikayat Hang Tuah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lukacs, G. 1962. *The Historical Novel*. London: Merlin Press.
- Mohamad Saleeh Rahamad. 2005. *Pencerakaan dalam Novel Sejarah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohd Haniff Mohammad Yusoff, Rohaya Md Ali & Phat Awang Deng. 2020. Hipoteks Sebagai Idea Penggaluran Naratif dalam Novel Berunsur Sejarah Tun Perak. *PENDETA, Journal of Malay Language, Education and Literature* 11(2): 97-107.
- Mohd Yusoff Hashim. 2008. *Tun Perak: Dalam Sejarah dan Dinamisme Ketamadunan Bangsa*. Batu Berendam: Institusi Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP).
- Muhamad Faiz Sazali, Mawar Safei & Che Abdullah Che Ya. 2021. Hipoteks Sejarah dalam Novel Kalbu Qalha. *Jurnal Melayu* 20(2): 346-360.
- Prince, D. 2022. *The Rise of The Novel*. London: Chatton and Windus.
- Shannon Ahmad. 1989. *Gubahan Novel*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Styles, H. 2021. *Historical Novel: Beyond Fact*. London: Golden Press.